

## **PRU-13:Usahpandangmudahkeupayaancalonlawan-Najib**

### **Utusan Online**

**20 April, 2013**

PEKAN 20 April - Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Najib Tun Razak meminta semua jentera pilihan raya BN bekerja keras dan tidak memandang mudah keupayaan calon lawan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 ini.

Perdana Menteri berkata, hanya dengan kerja keras akan dapat menjamin BN memperoleh majoriti yang lebih besar pada 5 Mei ini.

Najib berkata, semua jentera tidak boleh memandang rendah kemampuan lawan walaupun calon itu bukannya dari kalangan penduduk tempatan.

"Usaha petugas jentera amat penting bagi mendapatkan majoriti lebih besar daripada sebelum ini, mereka perlu bekerja siang dan malam untuk memberi penerangan kepada pengundi mengenai tranformasi yang telah dibuat kerajaan pimpinan BN," katanya ketika berucap semasa melawat Pusat Daerah Mengundi (PDM) Tanjung Medang, di sini hari ini. - BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : [http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan\\_Raya/20130420/px\\_148/PRU-13-Usah-pandang-mudah-keupayaan-calon-lawan---Najib#ixzz2ZuUpX3zq](http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130420/px_148/PRU-13-Usah-pandang-mudah-keupayaan-calon-lawan---Najib#ixzz2ZuUpX3zq)

© Utusan Melayu (M) Bhd